

# Tubuh Universiti Pertanian baru

» Matlamat jadikan industri asas tani pemacu kemajuan negara

Oleh Norrasyidah Arshad  
norrasyidah@bh.com.my

► Serdang

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang menubuhkan Universiti Pertanian baru tahun depan, kata Timbalan Menterinya, Datuk Tajuddin Abdul Rahman.

Bagaimanapun, katanya, penubuhan berkenaan tidak membabitkan pembinaan kampus baru, sebaliknya akan menggunakan kemudahan sejia ada milik kementerian untuk dinaiktaraf.

Beliau berkata, cadangan itu sudah mendapat persetujuan semua pihak berkaitan pada peringkat kerajaan.

"Dengan penubuhan universiti baru ini, hasrat kementerian untuk mengubah tanggapan industri asas tani sebagai ketinggalan akan diubah dengan matlamat menjadikan industri ini sebagai pemacu kemajuan negara.

"Kementerian pertanian mempunyai banyak kemudahan... ada kompleks dan pusat latihan....semua ini akan dinaiktaraf untuk membolehkan universiti baru ini beroperasi. Cara ini akan membantu penjimatan kos," katanya pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Inovasi Malaysia (MIEpro) Pamer Inovasi Baharu, di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dan Timbalan Naib Canselor UPM (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mohd Salleh Jaafar.

## Ubah sifibus

Mengulas lanjut, Tajuddin berkata, tenaga pakar yang ada di Institut Penyelidikan dan Ke-

majuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan dijadikan tenaga pengajar universiti baru itu.

Katanya, kementerian turut akan mengubah silibus dan modul pembelajaran bagi mencapai matlamat melahirkan pelajar yang berpotensi, khususnya dalam bidang pertanian.

"Usaha ini adalah serius dan difahamkan proses mencipta logo untuk universiti baru ini sedang berjalan," katanya.

Sementara itu, Tajuddin berkata, kerajaan mengambil sikap proaktif dengan mengarahkan kakitangan beberapa agensi berkaitan seperti MARDI untuk turun padang melihat produk ciptaan pelajar universiti di negara ini.

Katanya, menerusi langkah berkenaan, kerajaan dapat mengenal pasti produk yang bagus dan sesuai untuk dipromosikan.

"Ini adalah antara cara baru yang digunakan kementerian bagi meningkatkan mutu inovasi di negara ini."



**"Kementerian Pertanian mempunyai banyak kemudahan...ada kompleks dan pusat latihan....semua ini akan dinaiktaraf untuk membolehkan universiti baru ini beroperasi. Cara ini akan membantu penjimatan kos"**

**Tajuddin Abdul Rahman,**  
Timbalan Menteri Pertanian  
dan Industri Asas Tani

"Selepas mengenal pasti, MARDI dan kementerian ini sendiri yang akan membuat kajian untuk memantapkan lagi produk berkenaan," katanya.